



CRIMINAL JUSTICE DIVISION

CJD

Guide to Being a
Witness in Court

ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS
BRUNEI DARUSSALAM

(English and Malay)

Contents

English Text

Introduction	Page 1
Before you go to Court	Page 2 – 3
What happens on the day of trial?	Page 4 – 5
How to testify in Court?	Page 6 – 7
Who's who in the Court?	Page 8 – 9

Introduction

Aim of booklet

This booklet hopes to help you understand what is involved when you give evidence at a criminal trial, by explaining what happens before and when you give evidence.

What is a criminal trial?

A trial happens when a defendant has pleaded not guilty to committing a crime. A trial takes place to decide whether or not his plea is true. In order to decide whether or not the defendant is guilty, the court will hear both sides of the evidence from the prosecutor and also the defendant.

What is your role as witness?

As a witness or investigator, you are giving evidence to help the Court to reach a decision on the basis of the evidence placed before it. To help reach this decision, you must explain, as clearly and concisely as possible, what you have seen, heard or recorded. You must do this honestly, impartially and without embellishment.

As a general principle, all you are required to do is give evidence as honestly and clearly as possible.

Before you go to Court

Interview by a prosecutor

You will be interviewed by a prosecutor in order to prepare you for the trial. The interview(s) will usually take place at the Attorney General's Chambers, at least about 1 week before the trial.

The purpose of this interview is for the prosecutor to understand what you know about the case. During the interview, the prosecutor will ask you to relate what you know about the case. Do not be afraid or embarrassed to tell the prosecutor all that you can remember and think is relevant to the case. You may also speak to the prosecutor about any concern you may have regarding the trial.

Refreshing your memory

There is nothing to prevent you from refreshing your memory from your contemporaneous (written at the time) notes before giving evidence. This is an essential element of your preparation for giving evidence and should be shared with the prosecutor during the interview. Do not rely on your memory but re-read your notes and look at the case file.

Preparing Section 117B Criminal Procedure Code Statement



A section 117B Criminal Procedure Code statement is a formal written document that sets out the facts of your case that you will use as your evidence in court. It usually consists of details of your employment history, your role in the case and an affirmation at the end stating that you made the statement to the best of your knowledge and your belief.

You may be asked by the prosecutor to prepare a section 117B Criminal Procedure Code statement prior to the interview. During the interview, the prosecutor will talk to you about the contents of your statement to ensure you have included everything. It is likely that the statement you prepared would be added or amended by the prosecutor. You may request for a copy of your statement so that you can read it over again closer to the trial date.

Summons to attend Court

After the interview, you will be asked to sign a “Summons to a Witness”, also known as a subpoena. This is a written notice issued by the Court, informing you that you are required to attend Court to give evidence at the trial. The date, time, and location of the trial will be stated on the Summons. After you sign the summons, you will be given a copy of the Summons to keep.

Please check the summons to find out whether the trial will be heard in the Magistrates’ Court, Intermediate Court or High Court. For cases heard in the Magistrates’ Court and Intermediate Court, a list of cases will be shown outside each courtrooms.

The dates to attend Court as stated in the summons will cover the whole period of trial. However, you do not have to attend on all dates. You can confirm with the prosecutor or the Investigating Officer (IO) of the date you will be giving evidence in court.

If you are unable to attend on the date and time scheduled, you should inform the prosecutor or the IO of the case. If you neglect or refuse to appear without just excuse, a warrant of arrest will be issued to compel your attendance.

What happens on the day of trial?

Punctuality

You should check with the IO the exact time you are required to be at the Courtroom. It is important that you arrive at the Courtroom at least 30 minutes before the appointed time (i.e. to get parking, to find the right Courtroom, to settle down etc.). If you are late, you will delay the proceedings and cause inconvenience to others.



Court attire

You should dress appropriately when appearing in Court. Official uniforms should be worn when giving evidence in your capacity as a law enforcement officer. Slippers, caps and sunglasses are strictly not allowed.

If you are concerned about the air-conditioning in the Courtroom, you should bring along a sweater or a jacket.

What to bring

You do not have to bring any documents you have prepared for the trial (including your section 117B Criminal Procedure Code statement) as they will be given to you in Court by the Prosecutor.

If you are asked by the Prosecutor or the IO to bring the originals of any documents (for example, your pocket diary), please do so.

If you are an officer in charge of the exhibits required to be produced in Court, ensure that the necessary exhibits are brought into the Courtroom before the trial starts.

Waiting time

You should wait outside the Courtroom until it is your turn to give evidence and your name is called out by the Court clerk or interpreter.

The time spent waiting may vary. You may wish to bring reading material or something else to keep yourself occupied while waiting.

In Court

When your name is called, you will be led into the Courtroom. When entering the Courtroom, you must bow to the Magistrate or Judge. You will then be directed to the witness dock.

Oath

The Court Interpreter will ask you to raise your right hand and swear an oath to tell the truth. You will be given a card and asked to read the words on the card. You should read the oath out in the language you will be using to give evidence.

The oath reads as follows –

I (full name) do solemnly and sincerely affirm that all my evidence in this Court shall be the truth, the whole truth and nothing but the truth. I also understand that this is a criminal offence to give false evidence.

Stages of giving evidence

■ Examination in Chief

These are the questions that will be asked by the prosecutor. If you prepared a section 117B Criminal Procedure Code statement, you will be asked to read it out in court.

■ Cross Examination

This is the part of your evidence where the defendant or defence lawyer will ask you questions.

■ Re-examination

After the defence lawyer or defendant has cross-examined you, the prosecutor may question you again. This is to allow the prosecutor to clarify anything said during the cross examination or to allow you to explain an answer where necessary. Re-examination does not happen in all cases.

Once you finish giving evidence, you will be excused from the Courtroom. When you leave the Courtroom, you must also bow to the Magistrate or Judge.

How to testify in Court?

Speak the truth

You must always speak the truth in Court. You must never guess about things you did not see, hear or experience personally. If you genuinely do not know the answer to a question, it is acceptable to tell the Court “I don’t know” or “I did not see/hear it”.

During your testimony, you may also be asked to offer an estimate of time, date or distance. Again, you must think carefully before answering.

Understand the question

When giving evidence, it is important that you listen carefully to the questions and understand what you have been asked before giving an answer. If you did not hear the question, you must ask for it to be repeated. If you heard the question but do not understand what is being asked, you must ask for the question to be explained. Do not answer questions unless you are certain that you understand what is being asked of you.

Take your time

Always take your time to think before you answer a question. It is not necessary to rush through your testimony.

Be clear

Questions are usually posed in a sequence which is intended to introduce your evidence in a clear and easy to follow manner. In your answers, do not jump from topic to topic as it may make your evidence difficult to follow.


Always focus on the question and limit your answer to what has been asked. Do not ramble on or volunteer information which is not related to the question posed. If more information is required from you, the prosecutor or the defendant/defence lawyer will question you further at some stage.

Remain calm

You may be asked questions that are embarrassing or upsetting. You may also be challenged about whether you are telling the truth. If this happens, remain calm. You should continue to answer all questions truthfully and as accurately as you can.

Particularly during cross-examination, the defendant/defence lawyer may “put” or “suggest” certain things to you. When he “puts” or “suggests” these matters, he is asking if you agree or disagree with what he has said. It is particularly important that you listen carefully and understand what has been put or suggested to you. Do not get upset by these questions as these are merely the defendant’s version of facts. If you disagree, you should simply state “I do not agree”.

General tips for giving evidence

- 
- Everything you say in the witness dock is recorded. Speak slowly and clearly so you can be heard by everyone in the Courtroom.
 - Look at the Magistrate or Judge when you are giving your evidence. He/she is listening to your answers and looking at your “body language” to determine if you are being truthful.
 - If you are giving evidence through an interpreter, wait for the interpreter to finish translating the whole question before you give your answer. Speak only in the language you have chosen and do not switch languages while you are testifying.
 - It is OK to ask for a break if you need to go to the rest room.
 - Sometimes the defence lawyer asking the questions may have a firm voice but just remember you are not in any trouble and no one is angry with you.
 - Mobile phones have to be switched off or put on silent mode when you are in court.

Who's who

THE CLERK or INTERPRETER


They take care of all the documents for the court that are needed during the trial. They also help the Defendant and Witnesses to understand the proceedings and questions asked.

THE DEFENDANT

The Defendant is the person who has been accused of committing an offence. The Defendant sits in the dock and is not allowed to speak to the witness except during cross-examination when they are representing themselves.

THE DEFENCE LAWYER

It is the defence lawyer's job to help the Defendant. This lawyer also asks the witnesses questions and, by representing the Defendant's point of view, tries to show the Defendant is innocent. Sometimes the Defendant will not engage a lawyer and represents himself.



in the Court?



THE MAGISTRATE or JUDGE

They are in charge of the court room. They decide if the Defendant is guilty or not guilty and what the penalty will be in court. The Magistrate is referred to as “Your Honour” and the Judge is referred to as “My Lord”.




THE WITNESS

The witness answers questions from the witness dock.



THE PROSECUTOR

The prosecutor is a lawyer who tries to prove that the Defendant has committed an offence. The prosecutor does this by presenting evidence and asking witnesses questions about what was seen or heard or has happened to the witness.



THE PUBLIC GALLERY

The Court is usually open to the public. People may sit quietly and listen at the back of the Court.

Kandungan

Teks Bahasa Melayu

Pengenalan	Mukasurat 11
Sebelum anda ke Mahkamah	Mukasurat 12 – 13
Apa yang akan berlaku pada hari perbicaraan?	Mukasurat 14 – 16
Bagaimana untuk memberi keterangan di Mahkamah	Mukasurat 17 – 19
Siapa di dalam Mahkamah?	Mukasurat 20 – 21

Pengenalan

Tujuan Buku

Buku ini diharap akan dapat membantu anda untuk memahami apa yang akan terjadi apabila anda diminta untuk memberi keterangan di dalam perbicaraan jenayah, iaitu dengan menerangkan apa yang berlaku sebelum dan juga semasa anda memberi keterangan.

Apakah perbicaraan jenayah?

Perbicaraan akan dijalankan apabila seorang tertuduh tidak mengaku bersalah melakukan sesuatu kesalahan jenayah. Perbicaraan dijalankan untuk memastikan sama ada pengakuan tidak bersalah ini adalah benar atau sebaliknya. Untuk membuat keputusan sama ada tertuduh itu bersalah atau tidak, mahkamah akan mendengar keterangan dari kedua-dua pihak pendakwa dan tertuduh.

Apakah peranan anda sebagai seorang saksi?

Sebagai seorang saksi atau penyiasat, keterangan yang anda berikan akan membantu Mahkamah untuk membuat keputusan berdasarkan bukti yang dikemukakan. Untuk membantu Mahkamah, anda hendaklah menerangkan dengan jelas dan ringkas mengenai apa yang anda telah lihat, dengar atau catit. Anda mesti memberi keterangan secara jujur, adil dan tanpa tokok tambah.

Sebagai prinsip umum, anda hanya perlu memberikan keterangan secara jujur dan jelas.

Sebelum anda ke Mahkamah

Temuduga dengan pendakwa

Anda akan ditemuduga oleh pendakwa sebagai persediaan untuk perbicaraan. Temuduga tersebut akan diadakan di Pejabat Peguam Negara, sekurang-kurangnya satu minggu sebelum perbicaraan.

Temuduga tersebut bertujuan untuk membantu pendakwa memahami apa yang anda tahu tentang kes tersebut dan anda akan diminta untuk menerangkannya lebih lanjut. Jangan khuatir atau gelisah untuk memberitahu pendakwa semua yang anda ingat dan fikir perlu berkaitan dengan kes itu. Anda juga boleh memaklumkan pendakwa mengenai apa-apa kebimbangan anda mengenai perbicaraan itu.

Menyegarkan ingatan anda

Sebelum perbicaraan, anda boleh merujuk kepada catitan yang anda tulis semasa menjalankan siasatan untuk menyegarkan ingatan anda.

Ini adalah satu elemen yang penting dalam persediaan untuk memberi keterangan dan perlu dikongsi dengan pendakwa semasa temuduga. Jangan hanya mengharapkan ingatan anda. Baca semula catitan anda dan rujuk kepada kertas siasatan.

Menyediakan Keterangan Bab 117B Kanun Peraturan Jenayah



Keterangan di bawah Bab 117B Kanun Peraturan Jenayah adalah dokumen rasmi yang mengandungi fakta kes untuk digunakan sebagai keterangan anda di dalam mahkamah. Ia juga mengandungi butiran sejarah pekerjaan anda, peranan anda dalam kes tersebut dan pengesahan yang menyatakan bahawa anda membuat pernyataan tersebut dengan benar sejauh pengetahuan dan kepercayaan anda.

Anda mungkin akan diminta oleh pendakwa untuk menyediakan keterangan di bawah Bab 117B Kanun Peraturan Jenayah sebelum ditemuduga. Semasa temuduga pula, pendakwa akan berbincang dengan anda mengenai isi kandungannya untuk memastikan ia lengkap. Mungkin juga, keterangan yang anda sediakan akan ditambah atau diubahsuai oleh pendakwa. Anda boleh meminta salinan keterangan itu untuk membolehkan anda membaca balik sebelum perbicaraan.

Saman untuk menghadiri Mahkamah

Selepas temuduga, anda akan diminta untuk menandatangani satu “Saman untuk Saksi”, atau dikenali juga sebagai “sepina”. Ini adalah notis bertulis yang dikeluarkan oleh Mahkamah untuk memaklumkan anda diperlukan hadir di Mahkamah untuk memberi keterangan dalam perbicaraan. Saman tersebut akan menyatakan tarikh, jam dan tempat perbicaraan. Salinan saman akan diberikan kepada anda.

Sila rujuk kepada saman untuk memastikan sama ada perbicaraan akan didengarkan di Mahkamah Majistret, Mahkamah Perantaraan atau Mahkamah Tinggi. Bagi kes yang didengarkan di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Perantaraan, senarai kes-kes dapat dirujuk di luar setiap Bilik Mahkamah.

Saman tersebut akan menyatakan tarikh-tarikh bagi sepanjang tempoh perbicaraan. Anda tidak perlu hadir pada setiap tarikh yang dinyatakan. Anda hanya perlu hadir untuk memberi keterangan pada tarikh yang ditentukan oleh pendakwa. Jika anda mengabaikan saman atau tidak hadir ke Mahkamah tanpa alasan yang munasabah, waran tangkap akan dikeluarkan untuk memastikan kehadiran anda.

Apa yang akan berlaku pada hari perbicaraan?

Ketepatan masa

Anda harus memastikan dengan Pegawai Penyiasat (IO) mengenai waktu anda diperlukan untuk berada di Bilik Mahkamah. Penting untuk anda sampai di Mahkamah sekurang-kurangnya 30 minit sebelum waktu yang ditetapkan (iaitu untuk mendapatkan tempat letak kereta, untuk mencari Bilik Mahkamah yang betul, untuk menyelesaikan apa yang perlu dan lain-lain lagi). Jika anda lambat, anda akan melengahkan prosiding dan menyebabkan kesulitan kepada orang lain.



Pakaian ketika berada di Mahkamah

Anda harus berpakaian yang sewajarnya dan sopan apabila berada di Mahkamah. Pakaian seragam rasmi hendaklah dipakai apabila memberi keterangan dalam kapasiti anda sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang. Selipar, topi dan cermin mata hitam adalah tidak dibenarkan.

Sekiranya anda merasa bimbang berkenaan dengan penghawa dingin di Bilik Mahkamah, anda bolehlah membawa baju sejuk atau jaket.

Apa yang perlu dibawa

Anda tidak perlu membawa apa-apa dokumen yang telah anda sediakan untuk perbicaraan (termasuk keterangan anda di bawah Bab 117B Kanun Peraturan Jenayah) kerana ianya akan diberikan kepada anda ketika berada di Mahkamah oleh Pendakwa.

Sekiranya anda diminta oleh Pendakwa atau IO untuk membawa salinan asal mana-mana dokumen (misalnya, buku harian poket anda), anda adalah dikehendaki berbuat demikian.

Jika anda seorang pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan barang eksibit yang diperlukan untuk dibawa ke Mahkamah, anda hendaklah memastikan barang-barang eksibit yang diperlukan dibawa ke Bilik Mahkamah sebelum perbicaraan bermula.

Masa Menunggu

Anda harus menunggu di luar Bilik Mahkamah sehingga giliran anda memberi keterangan dan nama anda dipanggil oleh kerani Mahkamah atau juru bahasa Mahkamah.

Masa menunggu mungkin berbeza-beza. Anda mungkin ingin membawa bahan bacaan atau sesuatu yang lain untuk mengisi masa anda semasa menunggu.

Dalam Mahkamah

Apabila nama anda dipanggil, anda akan dibawa masuk ke Bilik Mahkamah. Apabila memasuki Bilik Mahkamah, anda dikehendaki untuk tunduk kepada Majistret atau Hakim. Anda kemudiannya akan diarahkan ke kandang saksi.

Sumpah

Jurubahasa Mahkamah akan meminta anda untuk menaikkan tangan kanan anda dan mengangkat sumpah untuk memberitahu kebenaran. Anda akan diberikan kad dan diminta untuk membaca perkataan di dalam kad tersebut. Anda harus membaca sumpah dalam bahasa yang anda akan gunakan untuk memberikan keterangan.

Sumpah berbunyi seperti berikut -

Saya (nama penuh) dengan ini sesungguhnya mengakui bahawa segala keterangan saya di Mahkamah ini adalah benar. Jika tidak, saya bersalah di sisi Ujama dan Undang-undang.

Peringkat memberi keterangan

- **Pemeriksaan Saksi**

Ini adalah sesi yang mana soalan-soalan akan ditanya oleh pendakwa. Sekiranya anda menyediakan keterangan di bawah Bab 117B Kanun Peraturan Jenayah, anda akan diminta untuk membacanya di Mahkamah.

- **Soal Balas oleh Pihak Lawan**

Ini adalah sebahagian daripada keterangan anda yang mana defendan atau peguam bela defendan akan menanyakan soalan kepada anda.

- **Pemeriksaan Semula**

Selepas peguam bela atau defendan membuat soal balas terhadap anda, pendakwa boleh mengajukan soalan lagi kepada anda. Ini adalah untuk pendakwa mendapat penjelasan mengenai apa-apa yang anda katakan semasa soal balas atau untuk membolehkan anda menerangkan dengan lebih lanjut jika perlu. Walaubagaimanapun, pemeriksaan semula tidak berlaku di dalam semua kes.

Sebaik sahaja anda selesai memberikan keterangan, anda akan dibenarkan untuk keluar dari Bilik Mahkamah. Apabila anda meninggalkan Bilik Mahkamah, anda juga dikehendaki untuk tunduk kepada Majistret atau Hakim.

Bagaimana untuk memberi keterangan di Mahkamah?

Bercakap Benar

Anda dikehendaki untuk bercakap benar ketika berada di Mahkamah. Anda tidak boleh meneka tentang perkara yang anda tidak nampak, dengar atau alami secara peribadi. Jika anda benar-benar tidak tahu jawapan kepada soalan yang diajukan, anda boleh menjawab "Saya tidak tahu" atau "saya tidak melihat/mendengarnya".

Semasa memberikan keterangan anda, anda juga mungkin diminta untuk memberikan anggaran masa, tarikh atau jarak. Sekali lagi, anda mesti berfikir dengan teliti sebelum menjawab.

Memahami soalan

Apabila memberi keterangan, adalah penting untuk anda mendengar dengan teliti dan memahami soalan-soalan yang diajukan sebelum memberi jawapan. Jika anda tidak terdengar soalan yang telah diajukan, anda hendaklah meminta soalan tersebut untuk diulang semula. Sekiranya anda mendengar soalan yang telah diajukan tetapi tidak memahami soalan yang diajukan tersebut, anda hendaklah meminta soalan berkenaan untuk dijelaskan. Jangan menjawab soalan melainkan anda pasti bahawa anda memahami soalan yang diajukan.

Ambil masa anda

Sentiasa luangkan masa untuk berfikir sebelum menjawab soalan. Anda tidak perlu tergesa-gesa ketika memberi keterangan.

Jelas

Soalan biasanya diajukan dalam urutan untuk memperkenalkan bukti anda secara jelas dan mudah untuk diikuti. Dalam memberi jawapan anda, jangan melompat dari satu topik ke topik yang lain kerana ianya mungkin membuat bukti anda sukar difahami.


Sentiasa fokus pada soalan dan tumpukan jawapan anda kepada soalan yang diajukan sahaja. Jangan berpura-pura atau memberikan maklumat yang tidak berkaitan dengan soalan yang diajukan. Jika lebih banyak maklumat diperlukan daripada anda, pendakwa atau defendan/peguam bela defendan akan mengajukan soalan yang lebih lanjut.

Tenangkan Diri

Anda boleh ditanya soalan-soalan yang memalukan atau menjengkelkan. Anda juga mungkin dicabar sama ada anda berkata benar atau sebaliknya. Jika ini terjadi, tenangkan diri. Anda mesti terus menjawab semua soalan dengan jujur dan setepat yang boleh.

Terutama sekali semasa soal balas, defendan atau peguam bela boleh “menekankan” perkara-perkara tertentu kepada anda. Apabila dia “menekankan” perkara-perkara ini, dia bertanya sama ada anda bersetuju atau tidak dengan apa yang dikatakannya. Adalah sangat penting bagi anda untuk mendengar dengan teliti dan memahami apa yang telah ditekankan kepada anda. Jangan marah dengan soalan-soalan ini kerana ini hanyalah versi fakta defendan. Sekiranya anda tidak bersetuju, anda hanya harus menyatakan “Saya tidak setuju”.

'Tips' umum dalam memberikan keterangan

- 
- Semua yang anda katakan semasa memberi keterangan akan dicatatkan. Cakap dengan perlahan dan jelas supaya semua orang di dalam Mahkamah boleh mendengar.
 - Lihat kepada Majistret atau Hakim apabila memberi keterangan. Dia sedang mendengar jawapan anda dan melihat bahasa tubuh anda untuk memastikan anda bercakap benar.
 - Jika anda memberi keterangan melalui jurubahasa, tunggu penterjemah selesai menterjemahkan keseluruhan soalan sebelum anda memberikan jawapan. Anda perlu bercakap hanya dalam bahasa yang anda pilih dan jangan bertukar-tukar bahasa semasa memberi keterangan.
 - Anda boleh meminta waktu rehat jika perlu ke tandas.
 - Kadang-kala peguam bela akan bertanya dalam suara yang tegas. Anda hanya perlu ingat yang mana anda tidak berada dalam sebarang masalah dan dia bukannya marah terhadap anda.
 - Telefon bimbit harus dimatikan atau dalam mod senyap semasa anda berada di Mahkamah

Siapa di dalam

KERANI atau JURUBAHASA


Mereka menjaga semua dokumen-dokumen untuk mahkamah yang diperlukan semasa perbicaraan. Mereka juga membantu Defendan dan Saksi untuk memahami prosiding dan soalan-soalan yang ditanya.

DEFENDAN atau TERTUDUH

Defendan adalah orang yang telah dituduh melakukan kesalahan. Defendan duduk di dalam kandang dan tidak dibenarkan bercakap dengan Saksi kecuali semasa soal balas jika mereka mewakili diri mereka sendiri.

PEGUAM BELA

la adalah tugas peguam bela untuk membantu Defendan. Peguam ini juga akan menanyakan soalan-soalan kepada saksi dan, dengan mewakili pembelaan Defendan, cuba untuk menunjukkan Defendan tidak bersalah. Kadang-kala Defendan tidak akan menggunakan khidmat peguam dan mewakili dirinya.



Mahkamah?



MAJISTRET atau HAKIM

Mereka yang berkuasa di dalam Bilik Mahkamah. Mereka memutuskan sama ada Defendan bersalah atau tidak dan apakah hukuman yang patut dijatuhkan. Majistret dan Hakim dipanggil “Yang Arif”.

SAKSI

Saksi menjawab soalan dari kandang saksi.

PENDAKWA

Pendakwa adalah peguam yang cuba untuk membuktikan bahawa Defendan telah melakukan kesalahan. Pendakwa melakukan ini dengan membentangkan bukti dan meminta saksi tentang apa yang dilihat atau didengar atau telah terjadi kepada saksi.

RUANG ORANG AWAM

Mahkamah biasanya terbuka kepada orang ramai. Orang awam boleh duduk dan mendengar di belakang Mahkamah.

CONTACT US:

The Law and Courts Building

Tel : +673-2231200

Fax : +673-2231221

Email: criminal.justice@agc.gov.bn

January 2018